

17 MAY 1999

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT JOHOR DUA HARI, KHAMIS INI

JOHOR BAHRU, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Johor mulai Khamis ini, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini.

Katanya, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai pada pukul 3.30 petang sekembali dari Pulau Batam, Indonesia.

Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden Indonesia B.J.Habibie pada sebelah pagi hari itu di Nongsa, Pulau Batam, sebelum datang ke sini.

Abdul Ghani berkata setibanya di sini, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri di Bangunan Umno Johor di Jalan Ariffin.

Dr Siti Hasmah pula mempunyai aturcara berasingan. Beliau akan merasmikan Kompleks Sukan JUITA di Jalan Mariamah di sini.

Pada sebelah malamnya Dr Mahathir akan menghadiri jamuan di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar Johor.

Abdul Ghani berkata pada pukul 8.30 pagi hari kedua lawatannya, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno akan menemui barisan kepimpinan Umno Johor terdiri daripada Ketua Bahagian, Ketua Pemuda dan Wanita di sebuah hotel terkemuka.

Pada 10.30 pagi, beliau akan menemui pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri Johor di tempat yang sama sebelum bertolak ke Felda Taib Andak di Kulai untuk menunaikan solat Jumaat.

Selepas itu, pada pukul 3.30 petang Perdana Menteri akan menghadiri Majlis Bersama Rakyat di Padang Sekolah Kebangsaan Pengeli Timur, Kota Tinggi.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur lewat petang Jumaat.

-- BERNAMA

MKO NMO